

10 OCT 1997

Tilawah-Keputusan

MOHAMAD HUSSIN DAN SITI AMINAH JOHAN QARI DAN QARIAH TILAWAH 1997

KUALA TERENGGANU, 10 Okt (Bernama) -- Johan menunggu bahagian qari, Mohamad Hussin Mohamad Yunus berjaya mempertahankan kejuaraannya apabila diisytiharkan sebagai johan qari dalam majlis Tilawah Al-Quran kali ke-40 peringkat kebangsaan 1997/1418 Hijrah tahun ini.

Sementara Hajjah Siti Aminah Awang dari Pulau Pinang pula dipilih sebagai johan qariah apabila berjaya menewaskan 12 peserta lain termasuk johan menunggu Hanisah Abdullah.

Majlis penutupannya diadakan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini malam ini.

Mohd Hussin dari Kelantan mendapat 83.83 markah, manakala Siti Aminah berjaya mendapat markah sebanyak 76.50.

Naib johan bahagian qari disandang oleh peserta dari Wilayah Persekutuan, Haji Abd Shatar Wan Abdul Rahman dengan markah 79.17 dan tempat ketiga jatuh kepada peserta tuan rumah Haji Mohammad Ismail dengan markah 79.17.

Manakala naib johan bahagian wanita pula jatuh kepada Hajjah Maimunah @ Napsiah Muda dari Perak dengan markah 75.17 dan tempat ketiga disandang peserta Terengganu, Hajjah Halimah Ibrahim dengan 75 markah.

Juara keseluruhan pula jatuh kepada negeri Terengganu dengan markah 77.09.

Johan qari dan qariah masing-masing menerima hadiah wang tunai RM6,000, piala pusingan dan iringan, sebuah kitab suci Al-Quran, rehal, cenderamata dari kerajaan negeri dan pusat serta menunaikan fardhu haji ke Mekah dan sijil penyertaan.

Naib johan kedua-dua bahagian pula menerima wang tunai RM4,500, cenderamata dari kerajaan negeri dan pusat dan sijil penyertaan.

Bagi tempat ketiga pula menerima wang tunai RM3,000 dan cenderamata dari kerajaan negeri dan pusat serta sijil penyertaan. Manakala hadiah saguhati pula menerima wang tunai RM600 dan sijil penyertaan.

Dengan kemenangan itu Mohamad Hussin dan Siti Aminah akan mewakili negara pada Majlis Tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa pada tahun ini.

Sultan Terengganu dan permaisuri berkenan hadir dan Sultan menyampaikan hadiah kepada para peserta. Turut hadir sama ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Majlis tilawah ini yang bermula 6 Oktober lalu dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman yang mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Seramai 29 qari dan qariah termasuk johan menunggu mengambil bahagian kecuali Kelantan yang menghantar qari sahaja tanpa qariah pada majlis itu.

-- BERNAMA

SBS RI